



جابتن عالم سڪيتر تامن دان ريڪرياسي
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI PROGRAM YouLEARn BELIA BRUNAS 2025

Khamis, 28 Ogos 2025

Dewan Indera Pahlawan, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), 28 Ogos – Majlis Penyampaian Hadiah bagi Program YouLEARn (“**You**th **L**earn, **E**mpower and **A**dvocate for a **R**esilient **E**nvironment”) Belia BRUNAS 2025 telah diadakan pada hari Khamis, 28 Ogos 2025 di Dewan Indera Pahlawan, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi), Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil-sijil penghargaan majlis ialah Yang Mulia Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Kementerian Pembangunan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Yang Mulia Dr. Yang Mulia, Dr Hj Muhd Majdi bin Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz. Majlis diikuti dengan ucapan alu-aluan Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi yang disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Hajah Haryanti binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi selaku Pengerusi Majlis.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi mengongsikan Program YouLEARn merupakan Fasa 1 Program Belia BRUNAS yang berbentuk kursus bengkel latihan yang telah berlangsung selama lima (5) hari bermula dari 21 hingga 25 Julai 2025, dan seramai tiga puluh (30) peserta belia daripada tujuh (7) buah pasukan telah menyertai program tersebut, yang terdiri daripada penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi, belia-belia daripada badan bukan kerajaan (NGO) dan usahawan-usahawan muda

Tambah beliau, para peserta program pada tahun ini telah didedahkan kepada isu-isu pencemaran plastik bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam, tetapi juga di peringkat serantau dan antarabangsa, termasuk cabaran-cabaran dan peluang-peluang serta inisiatif-inisiatif dalam menangani isu-isu pencemaran plastik. Tambahan itu, para peserta berpeluang untuk melawat sambil belajar ke Syarikat Wan Sing Trading Company, iaitu pembuat dan pengedar bungkusan plastik tempatan, Syarikat Kawan Bumi Sdn Bhd, iaitu sebuah syarikat kitar semula botol-botol plastik terpakai dan Tapak Pelupusan Sungai Paku. Melalui kaedah ini, para peserta lebih memahami bukan sahaja isu pencemaran plastik *on the ground*, tetapi juga kesan sosio-ekonomi jika sebarang dasar atau program menangani isu plastik diperkenalkan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada semua peserta program diikuti dengan penyampaian hadiah kepada Kumpulan *Verdant Collective* selaku pemenang *Best YouLEARn Team* iaitu satu anugerah khas yang diberikan kepada pasukan yang telah

memberikan prestasi yang terbaik dan proaktif sepanjang lima hari Program YouLEARN dijalankan. Pemenang menerima trofi, wang tunai berjumlah \$100.00 dan sijil pencapaian.

Tetamu Kehormat Majlis seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang *Best Project Team* dan pasukan *YouGAIN Catalyst*, seperti berikut:

(1) Tempat Pertama *Best Project Team*

Pemenang: Kumpulan Kytar

Hadiah: Trofi, wang tunai berjumlah \$500.00 dan sijil pencapaian

(2) Tempat Kedua *Best Project Team*

Pemenang: Vil-Laju! Brunei

Hadiah: Trofi, wang tunai berjumlah \$300.00 dan sijil pencapaian

(3) Tempat Ketiga *Best Project Team*

Pemenang: Verdant Collective

Hadiah: Trofi, wang tunai berjumlah \$200.00 dan sijil pencapaian

(4) Pasukan *YouGAIN Catalyst*

Pemenang: (1) Kytar; dan (2) Vil-Laju! Brunei

Hadiah: *Grant* berjumlah \$3000.00 dan sijil pencapaian

Grant berjumlah \$3000.00 yang diberikan kepada pemenang-pemenang Anugerah Pasukan *YouGAIN Catalyst* akan digunakan untuk melaksanakan uji cuba atau *pilot test* cadangan projek mereka semasa Fasa 2: Program YouGAIN (“**Youth Green Actions for Innovation**”) dalam tempoh sembilan bulan.

Program Belia BRUNAS (“Belia Brunei Nadi Alam Sekitar”) merupakan satu platform yang disediakan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan yang memberi peluang kepada belia-belia di Negara Brunei Darussalam untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti alam sekitar yang memberi impak yang lebih bermakna dan berpanjangan, dan menyumbang kepada kelestarian alam sekitar negara.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi

Kementerian Pembangunan

Emel: jastre.epm@env.gov.bn

Rujukan: ()JASTRE/PR/2025

Pegawai Fokal:

- (i) Nur Fatin A'qilah binti Mohd Taha (+673868773 / fatin.taha@env.gov.bn)



جابتن عالم سكيتر تامن دان ريكرياسي
JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | BRUNEI DARUSSALAM

PRESS RELEASE PRIZE PRESENTATION CEREMONY FOR BELIA BRUNAS 2025 YouLEARN PROGRAMME

Thursday, 28 August 2025

Dewan Indera Pahlawan , Authority for Building Control and Construction Industry (ABCi), 28 August – The Prize Presentation Ceremony for the BELIA BRUNAS 2025 YouLEARN (“**Y**outh **L**earn, **E**mpower and **A**dvocate for a **R**esilient **E**nvironment”) Programme was held on Thursday, August 28, 2025, at the Dewan Indera Pahlawan, Authority for Building Control and Construction Industry (ABCi), Ministry of Development.

Attending as the guest of honour and presenting the prizes and certificates of appreciation, was Yang Mulia Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh, Deputy Permanent Secretary (Corporate and Law), Ministry of Development.

The ceremony commenced with the recitation of Surah Al-Fatihah and *Doa* by Yang Mulia Dr. Hj Muhd Majdi bin Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz. This was followed by a welcoming address from the Director of Environment, Parks and Recreation, which was delivered by Yang Mulia Pengiran Hajah Haryanti binti Pengiran Haji Petra, Acting Director of Environment, Parks and Recreation, acting as the Chairperson of the ceremony.

In her welcoming address, the Acting Director shared that the YouLEARN Program was the Phase 1 of the BELIA BRUNAS Programme, a five-day workshop held from 21 to 25 July, 2025. A total of thirty (30) youth participants from seven (7) teams took part in the programme, including students from higher education institutions, youth from non-governmental organizations (NGOs), and young entrepreneurs.

She added that participants were exposed to issues of plastic pollution not only in Brunei Darussalam but also at the regional and international levels, including the challenges, opportunities, and initiatives for addressing plastic pollution. In addition, participants had the opportunity to go on educational visits to Wan Sing Trading Company, a local manufacturer and distributor of plastic packaging; Kawan Bumi Sdn Bhd, a company that recycles used plastic bottles; and the Sungai Paku Engineered Landfill. This approach helped participants to better understand not only the on-the-ground issues of plastic pollution but also the socio-economic impact of introducing any policies or programs to tackle plastic issues.

The ceremony continued with the presentation of certificates to all program participants, followed by the awarding of the Best YouLEARN Team prize to Verdant Collective. This special award was given to the team that demonstrated the best and most proactive performance throughout the five-day YouLEARN Programme. The winners received a trophy, a cash prize of \$100.00, and a certificate of achievement.

The guest of honour then presented prizes to the winners of the Best Project Team and YouGAIN Catalyst Team, as follows:

1. First Place, Best Project Team
 - Winner: Kytar
 - Prize: Trophy, cash prize of \$500.00, and a certificate of achievement
2. Second Place, Best Project Team
 - Winner: Vil-Laju! Brunei
 - Prize: Trophy, cash prize of \$300.00, and a certificate of achievement
3. Third Place, Best Project Team
 - Winner: Verdant Collective
 - Prize: Trophy, cash prize of \$200.00, and a certificate of achievement
4. YouGAIN Catalyst Team
 - Winners: (1) Kytar and (2) Vil-Laju! Brunei
 - Prize: Grant of \$3,000.00 and a certificate of achievement

The \$3,000.00 grant awarded to the YouGAIN Catalyst Team winners will be used to conduct a pilot test of their proposed projects during Phase 2: The YouGAIN (“**Youth Green Actions for Innovation**”) Programme over a nine-month period.

The BELIA BRUNAS (“*Belia Brunei Nadi Alam Sekitar*”) Programme is a platform established by the Department of Environment, Parks and Recreation to provide youth in Brunei Darussalam with opportunities to actively participate in impactful and sustainable environmental activities, and to contribute to the nation’s environmental sustainability.

-END-

Prepared by:

Department of Environment, Parks and Recreation
Ministry of Development
Email: jastre.epm@env.gov.bn

Reference: ()JASTRE/PR/2025

Focal Officers:

- (i) Nur Fatin A'qilah binti Mohd Taha (+6738687763 / fatim.taha@env.gov.bn)